

13/04/2002

Kecoh sistem tender RTM

Akmal Abdullah

PELAKSANAAN sistem tender yang diperkenalkan RTM untuk penerbit tempatan telah menimbulkan reaksi pro dan kontra, sekali gus menimbulkan kekecewaan dalam dunia perfileman tempatan yang sering timbul kekecewaan.

Tender bagi memenuhi keperluan mendapatkan kontrak penerbitan untuk siaran TV1 dan TV2 diperkenalkan pada tahun ini dan senarai penuh syarikat produksi yang menerimanya sudah dikeluarkan, baru-baru ini.

Sesudah masing-masing tahu peruntukan jam slot yang mereka peroleh, maka timbul pelbagai maklum balas yang kebanyakannya melahirkan rasa tidak selesa dan kurang berpuas hati, sehinggakan Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM) mahu menghantar memorandum mengenainya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ada penerbit yang tidak berpuas hati kerana mendakwa nama syarikat yang sudah established serta berkeupayaan tinggi dalam kerja penerbitan cuma diberi jumlah peruntukan siaran yang sedikit.

Ada juga yang kurang berpuas hati kerana pemberian tender yang berkait slot waktu siaran disifatkan mengelirukan, serta didakwa tidak telus dalam proses pengagihan 2,800 jam setahun.

Pembaharuan yang dibuat RTM itu juga dikatakan memberi kejutan kepada banyak syarikat produksi kerana sebelum ini mereka lebih biasa dengan pemberian slot TV secara pukal. Amalan sistem pukal dikatakan lebih banyak kelemahannya kerana berlaku ketidakadilan di antara syarikat kecil dan besar serta ada unsur kronisme.

Bagaimanapun, ada sesetengah penerbit menyifatkan sistem tender yang diwujudkan buat pertama kali itu adalah satu langkah bijak kerana lebih telus dan terbuka untuk semua pihak yang berminat dalam penerbitan rancangan televisyen, selain mewujudkan persaingan sihat.

Mereka yang menyambut baik sistem tender dan berpuas hati dengan kuota slot yang diperoleh turut menyifatkan ia satu langkah bijak dalam membantu syarikat produksi Bumiputera, selain mengelak berlaku monopoli terhadap peruntukan waktu siaran di badan penyiaran kerajaan itu.

Tinjauan Persada Seni terhadap beberapa penerbit TV tempatan mendapati yang tidak berpuas hati kerana menerima peruntukan slot sedikit untuk tahun ini berbanding jumlah jam siaran yang diterima tahun sebelumnya.

Seorang penerbit popular yang enggan namanya disiarkan berkata, beliau terpaksa akur dengan jumlah peruntukan slot yang diterima untuk tahun ini walaupun sedikit dan mengakui kurang berpuas hati.

Katanya, syarikat produksinya mampu menghasilkan lebih banyak program TV berdasarkan kemampuan tenaga produksi, kewangan serta pengalaman yang sewajarnya mendapat lebih banyak jumlah peruntukan siaran di RTM bagi tahun ini.

Setiausaha PFM, Mustapha Maarof pula berkata, pihaknya tidak mempertikai sistem itu tetapi mahukan peruntukan jam siaran untuk penerbit dibuat secara lebih bijaksana.

"Ini bukan soal adil atau tidak. Itu terserah pada pihak Kementerian Penerangan atau RTM. Kita cuma berharap ada peruntukan kepada mereka (penerbit) yang lebih berpengalaman dan kita tidak larang syarikat baru muncul sebab lebih ramai lebih bagus. Ada yang sudah terbukti memberi hasil terbaik patut diberi peluang untuk menjadi lebih baik lagi.

"Takkan kita mahu pada tahap itu juga. Saya fikir kita mahu kualiti produksi yang baik dan cara yang dibuat sekarang membimbangkan kerana ia ini boleh menjejaskan kualiti. Itu sebabnya kita buat memorandum sebab

kita fikir soal imej Malaysia," katanya.

Sementara itu, PFM kini sedang menyiapkan memorandum yang akan dihantar kepada Perdana Menteri pada masa terdekat ini.

Mustapha menjelaskan, memorandum itu akan disiapkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan Presiden PFM, Tan Sri Kamarul Ariffin.

"Ia akan dihantar pada masa terdekat ini dan kita jangkakan ia mungkin dihantar dalam bulan ini," katanya.

Seorang lagi penerbit produktif dan popular yang juga meminta namanya tidak disiarkan berkata, sistem tender tidak sesuai kerana ia bukannya berkaitan kerja pembinaan.

"Kita mengikut fikiran logik iaitu karya seni yang mahu dihasilkan bercorak subjektif. Ini bukan pembinaan untuk projek buat rumah. Ia tidak boleh diukur menerusi kertas kerja cadangan, ini hanya indah di kertas dan termurah tetapi hasilnya belum pasti. Ini kerja kreatif.

"Biarlah karya yang mahu diterbit dan disiarkan itu tidak dibuat tangkap muat. Kita bimbang mereka yang tidak ada pengalaman tetapi juga berminat nak buat produksi. Apabila dapat kontrak mereka ini terpaksa pula sub kontrak kepada syarikat produksi lain sebab tidak mampu.

"Biarlah hasil karya kita ada rupa. Kita alu-alukan RTM buat sistem ini secara telus tetapi apa saja cara yang kita buat boleh melencong jika nawaitu tidak betul.

"Banyak syarikat baru dan ada syarikat yang mempunyai reputasi dan rekod bagus mendapat bilangan kecil. Telus ini ialah antara soal manusia dengan Tuhan, kalau hendak tipu akan tipu juga.

"RTM boleh buat cara pengagihan berdasarkan rekod produser. Contohnya, 40 peratus berdasarkan rekod terbaik, 30 peratus bagi mereka yang pernah buat produksi dan potensi jadi baik dan selebihnya untuk produksi baru.

"Ada yang dapat tender khabarnya juga tidak dapat buat projek sebab masalah kewangan tetapi dalam kertas cadangan mereka nampak indah. Ini akan jadi balik cara perniagaan ali baba. Mereka mahu untung atas angin dan akibatnya yang pasti akan terjejas kualiti produk untuk RTM," katanya.

Seorang lagi penerbit terkenal berkata, tidak ada gunanya jika pihak berkaitan asyik 'bising' dalam hal ini sedangkan mereka sendiri yang tersilap kerana tidak membuat permohonan yang banyak.

"Jika kita tegur untuk memperbaiki sistem ini, ia adalah baik malahan RTM sendiri mahukan pandangan penerbit tetapi untuk mansuhkan sistem tender, tidak patutlah. Tidak payahlah sampai hendak hantar memorandum kepada Perdana Menteri, biarlah sampai pada peringkat Kementerian Penerangan saja," katanya.

Sementara itu, Penerbit Bright Networks, Raja Alawiah Idris, berpendirian sistem tender adalah satu kebaikan untuk mewujudkan persaingan lebih sihat dan adil.

"Saya berterima kasih pada RTM dan sistem ini bagus kerana ia persaingan yang sihat. Ini menggalakkan produser baru dan tidak terlalu bergantung pada orang lama.

"Generasi baru hendaklah juga diberi peluang berniaga dalam penerbitan drama dan ini sihat untuk masa depan industri perfileman di negara ini," kata Raja Alawiah.

(END)